

SOALAN NO: 101

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]
TARIKH :
SOALAN : 101**

YB Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah Klinik 1Malaysia sejak diperkenalkan pada 2010 demi kesejahteraan dan kesihatan rakyat di negara ini serta nyatakan jumlah Klinik 1Malaysia mengikut negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Klinik 1Malaysia telah ditubuhkan pada 2010 bertujuan mengurangkan beban golongan terpinggir serta penduduk bandar berpendapatan rendah dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka.

Bermula dengan 53 buah Klinik 1Malaysia pada tahun 2010, jumlahnya telah mencecah 361 buah tahun ini. Penerimaan baik masyarakat terhadap perkhidmatan yang disediakan di Klinik 1Malaysia dapat dilihat menerusi pertambahan kedatangan klien dari tahun ke tahun. Pada 2015, kedatangan pesakit ke Klinik 1Malaysia berjumlah 6,092,332 orang. Manakala pada 2016, jumlah kedatangan pesakit adalah 6,472,001 orang,

2

iaitu peningkatan 6% setahun. Bagi 2017, sehingga 31 Ogos lalu, jumlah kedatangan pesakit adalah 4,445,828 orang.

Sehingga 30 September 2017, sejumlah 361 buah Klinik 1Malaysia telah beroperasi diseluruh negara. Jumlah bilangan klinik mengikut negeri adalah seperti berikut:-

- i) Perlis - empat (4) Klinik 1 Malaysia;
- ii) Kedah - dua puluh empat (24),
- iii) Pulau Pinang - dua puluh empat (24),
- iv) Perak - dua puluh lima (25),
- v) Selangor - empat puluh tujuh (47),
- vi) Kuala Lumpur - dua puluh lapan (28),
- vii) Negeri Sembilan - tujuh belas (17),
- viii) Melaka - dua puluh (20),
- ix) Johor - tiga puluh enam (36),
- x) Pahang - dua puluh satu (21),
- xi) Terengganu - enam belas (16),
- xii) Kelantan - dua puluh tiga (23),
- xiii) Sabah - tiga puluh sembilan (39),
- xiv) Sarawak - tiga puluh lima (35); dan
- xv) Labuan -dua (2).